



KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN MRT LALUAN SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA MENGIKUT JADUAL

Kuala Lumpur, 31 Mac 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengumumkan kemajuan keseluruhan MRT Lembah Klang Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kini ialah 5.3%.

Pengarah Projek MRT Laluan SSP Dato' Amiruddin Ma'aris berkata peratus kemajuan adalah mengikut jadual pembinaan laluan.

"Setakat ini, pembinaan laluan ini berjalan seperti yang telah dirancang. Kerja-kerja pembinaan telah bermula bagi kedua-dua jajaran bertingkat Utara dan Selatan, jajaran bahagian Bawah Tanah dan depoh, malah kami telah mencapai kemajuan yang amat baik," kata Amiruddin semasa dalam taklimat media pada hari ini.

Pembinaan MRT Laluan SSP telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri pada 15 September 2016 semasa Majlis Pecah Tanah di tapak Stesen MRT Putrajaya Sentral S37 yang akan dibina.

"Ini merupakan salah satu pencapaian kerana keseluruhan kerja pembinaan hanya bermula pada bulan September tahun lalu," kata Amiruddin.

Antara kerja-kerja yang sedang dijalankan bagi bahagian Bertingkat ialah penempatan semula utiliti, pembersihan tapak, kerja cerucuk gerak, kerja tukang cerucuk dan kerja pembinaan tiang.

"Dengan pergerakan kemajuan sebegini, kami pasti dapat melancarkan galang kotak bersegi untuk membina jejambat bertingkat pada suku ketiga tahun 2017. Ini adalah pencapaian utama bagi kami," ujar beliau.

Bagi Kerja Bawah Tanah, kata Amiruddin, kerja sedang berjalan dengan kemajuan yang baik pada 6%. Tambah beliau, antara kerja yang sedang dijalankan ialah penempatan



utiliti, ekskavasi kotak stesen dan syaf, pembaikpulihan mesin pengorek terowong dan pembuatan mesin pengorek terowong yang baru.

Sebanyak 12 Mesin Pengorek Terowong akan digunakan untuk mengorek terowong bagi bahagian bawah tanah Laluan SSP. Di antara 12 mesin ini, lapan daripadanya adalah mesin yang digunakan bagi Laluan Sungai Buloh-Kajang yang sedang dibaikpulihan, sementara baki empat mesin adalah mesin pengorek terowong yang baru.

Untuk status perolehan Laluan SSP, Amiruddin berkata daripada jumlah 69 tender, 31 daripadanya telah dianugerahkan, dengan nilai RM30 bilion. Baki 38 tender adalah untuk pembinaan stesen, depoh, Tempat Letak Kereta Bertingkat, kontraktor/pembekal yang ditetapkan dan penambahan sambungan.

Beliau menjelaskan bahawa MRT Corp baru-baru ini telah menganugerahkan tiga pakej terakhir kerja jejambat, menandakan semua pakej kerja sivil bagi kedua-dua pembinaan bahagian bertingkat dan bawah tanah jajaran Laluan SSP telah selesai dianugerahkan.

“Kami kini mempunyai semua kontraktor yang bersedia untuk membina keseluruhan jajaran dari utara ke selatan,” katanya lagi.

Dengan kemajuan yang dicapai setakat ini, Amiruddin begitu positif bahawa Fasa Pertama MRT Laluan SSP antara Kwasa Damansara ke Stesen MRT Kampung Batu akan mula beroperasi pada bulan Julai 2021, manakala keseluruhan laluan akan mula beroperasi pada bulan Julai 2022.

-tamat/-

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my